

Sesi Pertemuan Pensyarah Pelawat Dengan Wakil Jabatan UUM.

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 21 September 2010 11:30

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

21 OGOS 2010 / 12 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Sesi Pertemuan Pensyarah Pelawat Dengan Wakil Jabatan UUM.

Oleh: Nor Azizah Din

Gambar: Zamarizul Salleh



Sekitar Majlis Sesi Perjumpaan pensyarah pelawat bersama wakil jabatan UUM.

UUM ONLINE: Satu perjumpaan telah diadakan antara Pihak Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 24 pensyarah pelawat luar negara yang akan berkhidmat di universiti ini mengikut kontrak yang telah ditetapkan.

Perjumpaan di Bilik Angsana 1, EDC baru-baru ini bertujuan memberi penerangan berkaitan prosedur, faedah dan perkara yang perlu dilakukan bagi memudahkan urusan dan pergerakan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) yang menjadi tuan rumah kepada perjumpaan itu mengaturkan sesi penerangan dari wakil jabatan-jabatan termasuk daripada Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Kesihatan dan memberi penerangan mengenai *Key Performance Indicator* (KPI).

Sesi pertemuan tersebut memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah pelawat untuk mendapat keterangan dengan lebih jelas dan terus dengan pegawai-pegawai yang mewakili jabatan masing-masing.

Dalam majlis itu, mereka turut diraikan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak dan pegawai kanan universiti.